



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/12/22\_98 (HQ)

### TNB BERSAMA TIGA SYARIKAT KAJI SUMBER BAHAN BAKAR DAN RANTAIANNYA DEMI PERKUKUH PERALIHAN TENAGA

- Kajian bersama pembangunan ESG, TBB, ekosistem tenaga hijau dan rantaian pembekalan sumber
- Potensi guna pellet biomas daripada buluh sebagai bahan bakar
- Memanfaatkan keseluruhan rantaian bekalan ammonia dan bahan mentah alternatif

**TNB Fuel Services Sdn Bhd (TNBF)** menjalin kerjasama strategik dengan tiga syarikat berprestasi tinggi bagi menjalankan kajian bahan bakar penjanaan dan rantaiannya dalam mengukuhkan perjalanan peralihan tenaga **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, sekali gus menyokong negara neutral karbon 2050.

Anak Syarikat milik penuh TNB itu memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi tempoh tiga tahun baru-baru ini dengan MNA Fuel Services Sdn Bhd (MNAF), Itochu Malaysia Sdn Bhd (ITOCHU) dan Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA).

Kajian dijalankan bersama MNAF bakal mengembangkan potensi sumber pertanian menjadi bahan bakar penjanaan dengan melibatkan pembangunan pelet biomas daripada buluh.

Kerjasama dengan ITOCHU pula membabitkan kajian ke atas seluruh rantaian bekalan ammonia sebagai sumber baru bahan bakar manakala CIMA meliputi kerjasama perniagaan seperti pembekalan bahan api, bahan mentah alternatif, penyelidikan dan perkongsian kemahiran teknikal.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din berkata, kerjasama antara TNB dan rakan niaga strategik ini akan mengukuhkan lagi sokongan TNB terhadap agenda hijau kerajaan dalam usaha mencapai masa depan lebih mampan demi kesejahteraan rakyat.

“Selaras dengan aspirasi negara, perjalanan ke arah teknologi mampan memerlukan perubahan ketara dalam cara kita memilih dan membangunkan program penyelidikan, teknologinya dan peralatan serta tenaga kerja yang diperlukan.

“Inilah yang dilakukan dalam kerjasama strategik ini dengan setiap syarikat terlibat berpengalaman luas dalam bidang masing-masing,” katanya berucap di majlis pertukaran dokumen MoU dengan ketiga-tiga syarikat di sini, pada Selasa 20 Disember 2022.

Antara yang hadir Pengerusi CIMA, Dato' Zaiviji Ismail Abdullah; Pengarah Urusan ITOCHU, Dai Hoshiai; Pengarah Urusan MNAF, Zulkifli Ahmad; Pengurus Besar Kanan SIRIM; Mohd Hamim Imam Mustain, Ketua Pegawai Kawal Selia & Pengurusan Stakeholder TNB, Datuk Shamsul Ahmad dan Pengarah Urusan TNBF, Jamal Yusoff.

Kesemua MoU ini menyasarkan pelaksanaan kajian bersama dalam pembangunan persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG), Tenaga Boleh Baharu (TBB), ekosistem tenaga hijau, pengurusan rantai pembekalan sumber dan memanfaatkan kepakaran teknikal dalam organisasi.

Menurut Baharin, adalah menjadi sebahagian daripada strategi TNB pada masa hadapan untuk mengguna pakai teknologi lebih hijau secara progresif dalam usaha memenuhi kesedaran dan harapan terhadap ekosistem yang mengurangkan perubahan iklim.

"Kami juga percaya tenaga hijau adalah penting ke arah mewujudkan industri tenaga yang mampan, justeru, kami amat berbesar hati atas kerjasama dengan rakan strategik yang saya percaya akan terus menyumbang kepada kejayaan agenda Peralihan Tenaga negara," katanya.

Inisiatif TNBF ini mengukuhkan lagi peralihan tenaga TNB dengan aspirasi agenda kelestarian yang menyasarkan pelepasan sifar karbon menjelang 2050 dengan komitmen pengurangan 35% intensitinya termasuk pengurangan 50% penjanaan arang batu menjelang 2035.

Pada majlis itu juga, TNBF yang ditubuhkan oleh kerajaan sebagai pembekal bahan api negara dan distrukturkan sebagai anak syarikat milik penuh TNB, dianugerahi Sistem Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCMS) oleh SIRIM atas keupayaan beroperasi mengikut piawaian bertaraf antarabangsa.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 22 Disember 2022, jam 3:30 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /  
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

#### **Mengenai TNB Fuel Services Sdn Bhd (TNBF)**

TNB Fuel Services Sdn Bhd (TNBF) adalah anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad yang ditubuhkan sebagai pembekal bahan api negara. Pada 2018 TNBF muncul organisasi pertama di Malaysia menerima pensijilan Standard Corporate daripada Chartered Institute of Procurement & Supply (CIPS) yang beribu pejabat di United Kingdom.

#### **Mengenai ITOCHU Malaysia Sdn. Bhd.**

ITOCHU Malaysia Sdn. Bhd. sebuah syarikat perdagangan antarabangsa, milik keluarga ITOCHU Corporation iaitu syarikat bersepada global terbesar yang membangun dan berkembang selama 150 tahun dengan kira-kira 130 pangkalan di 65 negara serta operasi meliputi pelbagai spektrum industri.

Selama ini, ITOCHU Malaysia Sdn. Bhd. telah berkembang menjadi pemain global dengan rangkaian serantau yang kukuh. Kawasan perniagaannya meliputi dalam mesin, logam & mineral, bahan kimia & plastik, makanan & barang am.

#### **Mengenai MNA Fuel Services Sdn Bhd (MNAF)**

MNA Fuel Services Sdn Bhd (MNAF) adalah anak syarikat milik penuh MNA Energy Sdn Bhd (MNAE) yang dibentuk pada 2016, membangunkan Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) generasi seterusnya yang sedia membantu mempercepatkan peralihan tenaga hijau.

Syariat ini terlibat menanam, menanam semula, memindahkan dan memulihara hutan dan saluran kayu, untuk membersihkan hutan, estet, kawasan ladang dan susun atur bandar, kampung dan tapak perindustrian dan menjalankan perniagaan pengumpulan rotan dan buluh.

#### **Mengenai Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA)**

Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA) adalah anak syarikat milik penuh UEM Group Berhad, konglomerat infrastruktur dan perkhidmatan berdasarkan kejuruteraan terkemuka di Malaysia, yang terlibat dalam pelbagai projek ikonik dengan mentakrifkan semula landskap infrastruktur negara daripada lebuh raya, jambatan dan landasan kereta api kepada pembangunan bersepada sejak 1975.

Ia menjadi rakan kongsi bahan binaan pilihan di Malaysia serta pasaran serantau dan merupakan antara pengeluar simen terkemuka di Malaysia. Ia terkenal dengan pengeluaran dan pengedaran yang berkualiti tinggi dan mengambil bahagian secara aktif dalam inisiatif kemampanan yang dimulakan oleh kerajaan.



Antara yang hadir dari kiri - Timbalan Pengurus Besar ITOCHU, Ng Mun Kiet; Ketua Pegawai Kewangan MNAF, Koay Hean Yeow; Pengarah Urusan MNAF, Zulkifli Ahmad; Pengarah Urusan TNBF, Jamal Yusoff; Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif TNB selaku Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah TNBF, Datuk Indera Ir. Baharin Din; Pengerusi CIMA, Dato' Zaiviji Ismail Abdullah; Ketua Pengawalseliaan & Pegawai Pengurusan Pihak Berkepentingan TNB, Datuk Ts. Shamsul Ahmad; Pengarah Urusan CIMA, Sharuddin Omar Hashim; Pengarah Urusan ITOCHU, Dai Hoshiai.



Majlis Pertukaran MoU di antara TNB Fuel Services Sdn Bhd (TNBF) dan Itochu Malaysia Sdn Bhd (ITOCHU) membabitkan kajian ke atas seluruh rantaian bekalan amonia sebagai sumber baru bahan bakar dalam mengukuhkan perjalanan peralihan tenaga Tenaga Nasional Berhad (TNB), sekali gus menyokong aspirasi negara mencapai neutral karbon 2050. Pertukaran MoU telah disampaikan oleh Pengarah Urusan TNBF, Jamal Yusoff kepada Pengarah Urusan ITOCHU, Dai Hoshiai, dan disaksikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB selaku Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah TNBF, Dato' Indera Ir. Baharin Din dan Timbalan Pengurus Besar ITOCHU, Ng Mun Kiet.